



Ulul Albab Center of Excellence



TUGASAN

GOLDEN SCHOOL

HOLIDAY

NAMA : _____

KELAS : _____

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Rujukan : IUAM 300-1/3/17(110)
12 Oktober 2017
Tarikh : 22 Muharram 1439H

Kepada :

Ibu bapa / penjaga,
Sek Men **imtiiaz** Ulu I Albab Melaka.

Tuan/puan,

**PERLAKSANAAN GOLDEN SCHOOL HOLIDAY SEMPENA CUTI UMUM BAGI SEKOLAH
MENENGAH imtiiaz ULUL ALBAB MELAKA**

Terlebih dahulu kami mengucapkan salam hormat dan takzim kepada tuan/puan. Doa dan harapan ikhlas dari kami semoga tuan/puan sentiasa dirahmati dan diberi perlindungan oleh Allah SWT. Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Sek.Men. **imtiiaz** Ulul Albab Melaka akan membekalkan Golden School Holiday bagi memenuhi masa cuti pelajar **selama 6 hari bagi Tingkatan 1,2 dan 4 bermula 13 Oktober 2017 sehingga 22 Oktober 2017 dan 5 hari bagi Tingkatan 5 bermula 13 Oktober 2017 sehingga 17 Oktober 2017**. Berikut merupakan tugas yang diberikan seperti di bawah :

i. **Tugas Akademik (Ting. 1,2,4 dan 5)**

3. Sehubungan dengan itu, borang tugas boleh dimuat turun dalam laman web rasmi **sekmenimtiiazmelaka**. Bersama-sama borang tersebut turut disertakan borong semakan ibubapa bagi memastikan pelajar melaksanakan tugas yang diberi. Pelajar juga diminta untuk menjilid (spiral binding) dengan menggunakan muka hadapan yang telah disediakan. **"Helaian asingan yang diberikan oleh guru subjek juga mesti dijilidkan bersama."**

4. Pihak sekolah memohon jasa baik ibu bapa untuk memastikan pelaksanaan Golden School Holiday tersebut diselesaikan dan **diwajibkan menghantar tugas mereka pada 23 Oktober 2017 (Isnin) sebelum jam 10.15 pagi kepada guru kelas masing-masing**.

5. Kerjasama tuan/puan amat kami hargai demi memastikan kecemerlangan anak-anak sekolah ini.

Sekian terima kasih,

"MENJANA GENERASI ULUL ALBAB"

Saya yang menurut perintah,


(Azharizan Bin Yaacob)

Pengetua,
Sek. Men. **imtiiaz** Ulul Albab Melaka

GOLDEN SCHOOL HOLIDAY
CUTI UMUM
OKTOBER 2017
TINGKATAN 1 / 2



SEKOLAH MENENGAH **imtiaz** ULUL ALBAB MELAKA
78300 ALOR GAJAH

GOLDEN SCHOOL HOLIDAY

CUTI UMUM

TINGKATAN 1 / 2

NAMA	
KELAS	

PENGESAHAN DARIPADA IBU BAPA DAN PENJAGA

BIL	SUBJEK	TANDA TANGAN IBU BAPA DAN PENJAGA	LENGKAP / TIDAK LENGKAP
1	BAHASA MELAYU		
2	BAHASA INGGERIS		
3	BAHASA ARAB		
4	SAINS		
5	MATEMATIK		
6	GEOGRAFI		
7	SEJARAH		
8	KEMAHIRAN HIDUP / RBT		
9	PENDIDIKAN ISLAM		

Dengan ini saya (nama ibu bapa / penjaga) , kad pengenalan dan tarikh mengesahkan bahawa anak jagaan saya seperti nama diatas telah melakukan tugas Golden School Holiday yang telah dibekalkan oleh guru-guru.

TUGASAN SERONOKNYA CUTI AL-QURAN PELAJAR TINGKATAN 2 TAHUN 2017

NAMA PELAJAR :

KELAS :

NO	MASA/TARIKH	NAMA SURAT	GRADE			TANDATANGAN
			A	B	C	
1	12/10/2017	JUZUK 30				
2	13/10/2017					
3	14/10/2017	AL - WAQI'AH				
4	15/10/2017					
5	16/10/2017	YASIIN				
6	17/10/2017					
7	18/10/2017	AS-SAJDAH				
8	19/10/2017					
9	20/10/2017	AL MULK				
10	21/10/2017					

ORANG TUA

MUSYRIF HALAQOH

.....

.....

TUGASAN GOLDEN HOLIDAY TINGKATAN 2

TEMA : MASALAH DISIPLIN PELAJAR

- i) Masalah disiplin pelajar semakin menajdi-jadi kebelakangan ini.
Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

- ii) Anda dan rakan sedang berbual tentang cara-cara untuk mengatasi masalah disiplin dalam kalangan pelajar di kantin sekolah.
Tulis perbualan anda itu selengkapnya.

- iii) Ibu bapa berperanan dalam membentuk sahsiah anak-anak bagi menghindari mereka daripada terjebak dengan masalah disiplin di sekolah.
Berikan pendapat anda.

Anda dikehendaki membina 6 perenggan yang terdiri daripada 1 pendahuluan, 4 isi dan 1 penutup. Perlu ada isi, huraian dan contoh KBAT yang sesuai.

NAMA : _____ KELAS : _____

JAWAB SEMUA SOALAN

1. Labelkan 5 lokasi petempatan awal di Malaysia yang diberikan



Pekan Lama

Johor Lama

Kota Tamba

Gua Niah

Lembah Bujang

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling tepat

migrasi

Perubahan penduduk





imigrasi

lebih tinggi

emigrasi

- a) Perpindahan penduduk dari luar negara ke negara Malaysia dikenali sebagai _____
- b) _____ ialah jumlah penduduk bertambah atau berkurang dalam sesuatu tahun di sesebuah Negara
- c) _____ ialah perpindahan keluar penduduk Negara Malaysia ke luar Negara, contohnya Bangladesh.
- d) Jumlah penduduk sesebuah Negara itu bertambah jika Negara tersebut mempunyai kadar kelahiran yang _____ daripada kadar kematian.
- e) Perpindahan penduduk dari luar Negara ke Negara Malaysia dikenali sebagai _____

3. Padankan jenis pola petempatan contoh kawasan petempatan berikut

Jenis Pola Petempatan		Contoh kawasan
Berselerak		<ul style="list-style-type: none"> • Bandar, Persimpangan jalan raya
Berjajar		<ul style="list-style-type: none"> • Kebun kecil getah, kebun sayur, sawah
Berpusat		<ul style="list-style-type: none"> • Bandar baru, Tanah Rancangan FELDA
Berkelompok		<ul style="list-style-type: none"> • Sepanjang sungai, jalan raya, landasan

4. Padankan tentang ciri penduduk berlebihan dan kurang penduduk di negara berikut:

AUSTRALIA

BANGLADESH

- Bekalan makanan mencukupi
- Taraf hidup tinggi
- Tinggal di luar Bandar
- Taraf hidup rendah
- Kadar celik huruf tinggi
- Kadar buta huruf tinggi
- Tahap teknologi tinggi

5. Padankan pola migrasi yang ditunjukkan

Kuantan → Shah alam

Johor Bahru → Kampung Jabi

Desa Murni → Kota Bharu

Felda Inas → Felda Taib Andak

Kuala Lumpur → Ipoh

Luar Bandar ke bandar

Bandar ke bandar

Bandar ke luar bandar

Luar Bandar ke luar bandar

SOALAN TAMAT * SELAMAT MENJAWAB * SEMOGA BERJAYA

1. Rajah 1 menunjukkan dokumen perniagaan yang digunakan dalam satu urusanniaga.

Perniagaan AZ Jalan Kebun Teh 80080 Johor Bahru			
<i>Kedai Runcit Ali</i> <i>Lot 1234, Jalan Segamat 4,</i> <i>Taman Segamat Jaya</i> <i>73000 Segamat</i>			7 April 2014
Kuantiti	Butiran	Harga Seunit	Jumlah
20 dozen	Sos Cili Umami	2.50	600.00
15 kotak	Air Mineral	10.00	150.00
	Jumlah kasar		750.00
	Tolak 10% diskaun niaga		75.00
Jumlah Bersih			675.00
Syarat Ang. Dibayar 5% 7 hari 1% 30 hari		K & K di K <i>Sulhaini Naim</i> Penunggu Iualan	


Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1

- a. Apakah dokumen itu? [1 markah]
- b. Nyatakan tujuan dokumen itu dikeluarkan. [1 markah]
- c. Hitung jumlah yang perlu dibayar jika Kedai Runcit Ali membuat pembayaran pada
 - i. 12 April 2014
 - ii. 6 Mei 2014

[8 markah]

- 2 Rajah 11(a) dan Rajah 11(b) menunjukkan kaedah mencabut paku dari bahan kerja dengan menggunakan tukul kuku kambing.



Berdasarkan Rajah 11(a) dan Rajah 11(b),

- (a) (i) Pilih dan tentukan kaedah yang betul dalam mencabut paku dari bahan kerja itu.

[1 markah]

- (ii) Berikan alasan pemilihan jawapan anda di (a) (i) dengan membuat perbandingan antara kedua-dua kaedah.

[7 markah]

- (b) Nyatakan **dua** langkah keselamatan yang perlu diamalkan sewaktu melakukan kerja itu di bengkel sekolah.

[2 markah]

Ruang Jawapan

- (a) (i) Pilih dan tentukan kaedah yang betul dalam mencabut paku.


.....

TUGASAN SERONOKNYA CUTI (OKTOBER 2017)
PENDIDIKAN ISLAM (TING. 2)

NAMA: _____ KELAS: _____

SOALAN 1 : BAHAGIAN TILAWAH AL QURAN : (15 MARKAH)

Tuliskan peringkat proses kejadian manusia :



SOALAN 3 : BAHAGIAN AKIDAH : (15 MARKAH)


a) Lengkapkan jadual berikut dengan Asma'ul Husna dan pengertiannya. (5 markah)

Asma'ul Husna	Pengertian
Al Wahid	1)
2)	Allah Maha Pemurah
Al Hakim	3)
Ar Rahim	4)
5)	Allah Maha Mengetahui

b) Isi petak kosong dengan bukti Allah bersifat Ar Rahman : (3 markah)

TUGASAN SERONOKNYA CUTI (OKTOBER 2017)
PENDIDIKAN ISLAM (TING. 2)

NAMA: _____ KELAS: _____



c) Tuliskan "✓" pada pernyataan yang benar dan "x" pada pernyataan yang salah (7 markah)

1. Tanda Allah bersifat Ar Rahim ialah Allah mengurniakan pelbagai nikmat dan rezeki kepada semua makhluknya.
2. Sifat Ar Rahman Allah terhad kepada para hambaNya yang mukmin sahaja.
3. Melakukan perkara syirik merupakan antara ciri-ciri amalan yang berlawanan dengan sifat Al Wahid Allah
4. Al Hakim bermaksud Allah bersifat maha Adil
5. Orang yang beriman dengan sifat Al Alim Allah akan merasa takut untuk melakukan dosa walaupun tidak diketahui oleh orang lain
6. Antara bukti Allah bersifat Al Hakim ialah kejadian cap jari manusia yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain
7. Antara perbezaan ilmu Allah dan ilmu manusia ialah Allah mengetahui perkara ghaib sedangkan manusia tidak.

SOALAN 4 : BAHAGIAN IBADAH : (15 MARKAH)

a) Pengertian puasa : (5 markah)

Puasa bermaksud : _____ diri daripada melakukan perkara yang _____
puasa bermula dari terbit _____ hingga _____ matahari disertakan dengan _____.

b) Niat puasa : (2 markah)

TUGASAN SERONOKNYA CUTI (OKTOBER 2017)
PENDIDIKAN ISLAM (TING. 2)

NAMA: _____ KELAS: _____

Tuliskan lafaz niat puasa fardu di bulan ramadhan.

c) Isikan petak yang kosong dengan syarat wajib puasa . (3 markah)

1.	2.	3.	Tidak uzur syarie
----	----	----	-------------------

d) Tuliskan hukum yang betul bagi situasi yang diberikan : (5markah)



Situasi	Hukum
1. Mawaddah sengaja melewati sahur	
2. Ibu Arina merasa makanan dengan lidah ketika sedang berpuasa	
3. Amin segera berbuka puasa apabila yakin telah masuk waktu	
4. Pak Ali pengsan sepanjang hari	
5. Arif menggosok gigi selepas gelincir matahari	

-TUGASAN TAMAT-

“SEMOGA BERJAYA”

NAMA : _____ KELAS: _____



A Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan.

Tahap Penguasaan (TP) 1 2 3 4 5 6

Mikraj	dihisab	Fardu kifayah	disyariatkan
ibadat	Fardu ain	hamba	akidah

Solat ialah tiang agama Islam yang menjadi penghubung antara _____ dengan penciptanya. Solat merupakan _____ yang paling awal _____ dan amalan yang mula-mula akan _____ pada hari akhirat. Solat mula difardukan pada malam Israk dan _____. Ibadat ini merupakan _____ kepada setiap mukallaf.

B Lengkapkan pengertian solat yang berikut.



TP 1 2 3 4 5 6

1. Bahasa:

2. Istilah:

C Berikut merupakan **syarat wajib** solat dan **syarat sah** solat. Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul.

TP 1 2 3 4 5 6



NAMA : _____ KELAS: _____

D Lengkapkan perkara-perkara rukun solat di bawah.

TP 1 2 3 4 5 6

Qalbi	
Qauli (wajib dilafazkan dengan suara sekadar didengar telinga sendiri, bukan dalam hati)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Takbiratul ihram 2. Membaca Al-Fatihah 3. _____ 4. _____ 5. _____
Fi'ili (Semua perbuatan dalam solat yang wajib dilakukan.)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berdiri bagi yang mampu 2. _____ 3. _____ 4. _____ 5. _____ 6. _____ 7. _____

E Tuliskan sama ada **SUNAT AB'AD** atau **SUNAT HAIAT** pada pernyataan di bawah.

TP 1 2 3 4 5 6

1. Membaca doa iftitah.	
2. Duduk tahiyat awal.	
3. Membaca tasbih ketika rukuk dan sujud.	
4. Membaca doa qunut pada waktu solat subuh.	
5. Membaca isti'azah sebelum membaca surah al-Fatihah.	
6. Menyebut "amin" selepas membaca surah al-Fatihah.	
7. Melafazkan takbir ketika berpindah dari satu rukun ke satu rukun yang lain.	
8. Selawat kepada Nabi Muhammad SAW dan keluarga baginda ketika membaca doa qunut.	
9. Selawat kepada keluarga Nabi Muhammad SAW selepas tahiyat akhir.	
10. Mengangkat tangan ketika takbiratul ihram, rukuk, iktidal dan bangun dari tahiyat awal.	

NAMA : _____ KELAS: _____

F Tandakan (X) pada perkara yang membatalkan solat dan (✓) pada perkara yang tidak membatalkan solat. TP 1 2 3 4 5 6

- | | | |
|----|--|-----|
| 1 | Bercakap dengan sengaja walaupun sedikit. | () |
| 2 | Berdehem, ketawa, menangis kuat, mengerang kesakitan ketika solat. | () |
| 3 | Berpaling muka ke kanan dan kiri ketika memberi salam. | () |
| 4 | Berpaling dada daripada arah kiblat. | () |
| 5 | Makan atau minum. | () |
| 6 | Mengangkat tangan ke telinga ketika takbiratul ihram. | () |
| 7 | Hilang ingatan kerana gila, pitam atau mabuk. | () |
| 8 | Meninggalkan satu daripada rukun solat. | () |
| 9 | Melafazkan takbir ketika hendak rukuk. | () |
| 10 | Terkena najis pada pakaian, badan atau tempat solat. | () |

G Jelaskan lima hikmah solat dalam kehidupan mukmin. TP 1 2 3 4 5 6

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

H Berikan tiga kelebihan solat dari sudut sains berdasarkan situasi berikut. TP 1 2 3 4 5 6

Ketika berdiri, takbiratul ihram dan qiam	Ketika rukuk, iktidal dan tomakninah
1 Boleh meluruskan tulang belakang	1 Mengelakkan risiko penyakit tulang belakang
2	2
3	3

NAMA : _____ KELAS: _____

I Nyatakan maksud khusyuk solat.

TP 1 2 3 4 5 6

1 Bahasa _____

2 Istilah _____ di hadapan Allah SWT dengan menetapkan anggota, serta _____ setiap perkataan dan _____ yang dilakukan dari awal hingga akhir solat.

J Lengkapkan peta pokok berikut berkaitan cara mendapat khusyuk dalam solat.

TP 1 2 3 4 5 6



K Jelaskan empat perkara yang menghalang khusyuk dalam solat.

TP 1 2 3 4 5 6

Perkara Yang Menghalang Khusyuk Dalam Solat

1. _____
1. _____
3. _____
4. _____

L Nyatakan tiga akibat meninggalkan solat fardu.

TP 1 2 3 4 5 6

1. _____
2. _____
3. _____

**TUGASAN SYOKNYA CUTI TINGKATAN DUA
SEJARAH**

Nama : _____ Tingkatan : _____

Tugasan ini adalah berkaitan pendedahan awal bagi bab tingkatan tiga. Para pelajar boleh membuat rujukan menggunakan internet ataupun bahan bacaan tambahan yang lain.

"Di mana ada kemahuan. di situ pasti ada jalan"

Bab 1 : Pendudukan Jepun di Negara Kita

Tandakan (/) pada jawapan yang betul.

1. Apakah selogan yang lebih sesuai daripada "Asia untuk Orang Asia" bagi Jepun setelah berjaya menakluki Tanah Melayu?
(a) "Asia untuk Orang Jepun" () (b) "Semangat Asia Memuncak" ()
2. Apakah kelebihan penggunaan basikal oleh tentera Jepun semasa menyerang Tanah Melayu?
(a) Mempercepat perjalanan () (b) Mengelakkan kepenatan ()
3. Apakah faktor kejayaan Jepun mengalahkan British di Tanah Melayu?
(a) Perancangan rapi () (b) Sokongan rakyat tempatan ()
4. Lagu yang dinyanyikan setiap pagi di sekolah ialah
(a) Kimigayo () (b) Kaisha ()
5. Nippon-Go dijadikan sebagai bahasa di sekolah.
(a) pengantar () (b) pilihan ()
6. Kesetiaan penduduk Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun ditumpukan kepada
(a) Raja Melayu () (b) Maharaja Jepun ()
7. Orang dilayan dengan baik untuk mendapatkan sokongan.
(a) Cina () (b) Melayu ()
8. Orang India dilayan dengan baik kerana Jepun inginkan kerjasama mereka untuk mengusir di India.
(a) British () (b) Cina ()

9. Mengapakah dasar pentadbiran Jepun di Tanah Melayu sering berubah-ubah?

- (a) Melindungi kehendak pembesar Melayu ()
- (b) Memenuhi kepentingan Jepun ()

10. Apakah peranan sultan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

- (a) Penggubal undang-undang ()
- (b) Ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu ()

11. Koa Kunrenjo merupakan yang akan membolehkan pelatih diberi jawatan dalam perkhidmatan awam selepas tamat latihan.

- (a) Sekolah Latihan Kepimpinan ()
- (b) Sekolah Latihan Persenjataan ()

12. Mengapakah rancangan ekonomi Jepun akhirnya mengalami kegagalan?

- (a) Perdagangan Asia Tenggara hanya menguntungkan syarikat Jepun ()
- (b) Jepun lebih memberi tumpuan kepada peperangan yang masih berlaku ()

13. Bagaimana Jepun mengatasi masalah kekurangan bahan makanan di Tanah Melayu ?

- (a) Mengenakan catuan bekalan makanan ()
- (b) Mengimport dari negara luar ()

14. Apakah manfaat daripada pendudukan Jepun di Tanah Melayu terhadap orang Melayu?

- (a) Latihan kepimpinan ()
- (b) Kemajuan sosial ()

BAB 2 : MALAYAN UNION DAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Tandakan (/) pada jawapan yang betul.

1. Tentera Malayan Anti-Japanese Army (MPAJA) dikenali sebagai

- (a) Bintang Tiga ()
- (b) Home Guard ()

2. PKM melalui MPAJA telah melakukan keganasan semasa kekosongan politik di Tanah Melayu selama

- (a) 14 hari ()
- (b) tiga tahun ()

3. Dalam pentadbiran Malayan Union, Raja-raja Melayu hanya akan berperanan sebagai

- (a) Ketua Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu ()
- (b) Ketua Pentadbir Negeri ()

4. Tandakan (/) pada parti yang menyokong Malayan Union.

(a) UMNO () (b) AWAS ()

Soalan 5 hingga soalan 10, isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul.

Warga Negara

Utusan
Melayu

The Times

Majlis

5. Dato' Onn Ja'afar telah menulis surat kepada _____ menyeru orang Melayu mengadakan kongres untuk menentang Malayan Union.
6. Frank Swettenham dan Sir Cecil Clementi Smith telah menentang cadangan Malayan Union dalam akhbar _____.
7. _____ merupakan akhbar pertama yang menyeru orang Melayu menentang rancangan Malayan Union.
8. Pada 14 November 1945, _____ telah memuatkan berita yang menggesa orang Melayu supaya menentang Malayan Union.

Ciri-ciri Utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Pesuruhjaya
Tinggi

Majlis Melayu

Persekutuan

Eksekutif

9. Majlis Raja-raja Melayu ditubuhkan bagi menggantikan _____.
10. Perlindungan istimewa diberikan kepada orang Melayu dan diletakkan di bawah kuasa _____.
11. Sebuah _____ dibentuk dengan gabungan 11 buah negeri (semua negeri Melayu kecuali Singapura).
12. Pesuruhjaya Tinggi British menjadi Ketua Persekutuan dan dibantu oleh Majlis Mesyuarat _____ dan Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan.